

Selasa, 1 November 2016

1. Hutang 1MDB bukan hutang kerajaan

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Hutang syarikat pelaburan strategik, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan projek-projek yang berkaitan dengannya tidak diklasifikasikan sebagai hutang Kerajaan Persekutuan.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan memberitahu, oleh itu, hutang 1MDB dan projek yang berkaitan dengannya tidak menyumbang kepada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan.

Menurut kenyataan itu, kedudukan terkini jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2016 adalah sebanyak RM655.7 bilion atau 53.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Katanya, daripada jumlah berkenaan, 95.9 peratus atau RM628.8 bilion adalah hutang domestik iaitu bersamaan dengan 51 peratus KDNK.

"Sementara itu, 4.1 peratus lagi atau RM26.9 bilion iaitu bersamaan 2.2 peratus daripada KDNK merupakan pinjaman luar pesisir.

"Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana," katanya bagi menjawab soalan yang dikemukakan Ahli Parlimen Seputeh, Teresia Kok dalam sesi Soalan Lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Teresia dalam soalannya meminta Kementerian Kewangan menyatakan hutang negara berbanding dengan KDNK pada 30 September 2015 dan 30 September 2016, serta nyatakan jumlah hutang yang disumbangkan oleh syarikat dan projek berkaitan 1MDB.

Menurut kenyataan itu lagi, jika dibandingkan pada Jun 2015, hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM627.5 bilion atau 54.2 peratus daripada KDNK.

Katanya, kementerian akan mengeluarkan data mengenai hutang Kerajaan Persekutuan bagi bulan September 2016 melalui Laporan Ekonomi Suku Tahunan Ketiga 2016 yang akan diterbitkan pada bulan November ini.

Jumaat, 4 November 2016

2. LHDN teliti senarai 30 nama individu, syarikat

PUTRAJAYA 3 Nov. - Senarai 30 nama syarikat dan individu yang dikaitkan dengan kemasukan dana asing untuk membiayai gerakan Bersih telah diserahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Tan Sri Dr. Mohd. Shukor Mahfar.

Pegawai Perhubungan Awam LHDN, Masrun Maslim berkata, senarai nama tersebut diserahkan kepada Mohd. Shukor untuk penelitian terlebih dahulu sebelum sebarang bentuk tindakan yang bersesuaian diambil oleh LHDN berhubung dakwaan yang dibuat.

"Saya mengesahkan kita sudah terima senarai 30 nama individu dan syarikat yang diserahkan oleh Jaringan Melayu Malaysia (JMM) semalam, dan senarai itu juga telah diangkat untuk sebarang tindakan bersesuaian.

"Setakat ini, itu sahaja maklumat yang boleh diberikan dan kita juga tidak akan berkongsi sebarang hasil dan usaha siasatan yang dijalankan oleh LHDN berhubung perkara ini," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai tindakan JMM semalam, yang menyerahkan 30 nama syarikat dan individu kepada LHDN bagi membolehkan siasatan segera dibuat berhubung kemasukan dana asing untuk membiayai kumpulan Bersih.

Selain itu, JMM juga mahu LHDN menyiasat sama ada syarikat dan individu itu telah disenaraikan sebagai pembayar cukai dan jika tersenarai, adakah mereka telah pun menjelaskan cukai masing-masing.

Sebelum ini, Presiden JMM, Datuk Azwanddin Hamzah bersama-sama Pertubuhan Martabat Jalinan Muhibbah Malaysia (MJMM) dan Pemuda UMNO Malaysia membuat laporan polis di Ibu pejabat Polis Dang Wangi bagi menggesa pihak berkuasa melakukan siasatan berhubung pembabitan pengarah perbankan, John Pang dan George Soros dalam membiayai gerakan bagi menjatuhkan kerajaan.

Ahad, 6 November 2016

3. Klinik Kesihatan Pulau Redang beroperasi

KUALA TERENGGANU 6 Nov.- Penantian sekian lama penduduk Pulau Redang yang mengharapkan untuk mendapatkan kemudahan khidmat rawatan kesihatan yang lengkap berakhir apabila klinik kesihatan memulakan operasinya Selasa lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Dr. Mohammad Omar berkata, klinik itu akan memberi kemudahan kepada hampir 2,000 penduduk pulau peranginan tersebut dan juga pelancong.

Beliau memberitahu, dengan penempatan pegawai perubatan, perkhidmatan kesihatan dapat diberi secara terus tanpa perlu lagi dirujuk ke tanah besar yang memakan masa dan terdedah kepada risiko jika laut bergelora.

"Komponen perkhidmatan yang disediakan meliputi pemeriksaan dan rawatan pesakit luar, kes-kes kecemasan, perawatan di rumah, kesihatan ibu dan anak, pusat kelahiran alternatif.

"Juga bot ambulans, kenderaan ambulans dan pasukan pergerakan," katanya di sini baru-baru ini.

Selama ini penduduk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Desa yang beroperasi sejak tahun 1969 dan jika berlaku kes kecemasan dan mendesak, pesakit perlu diterbangkan atau dibawa dengan bot.

Beliau menarik perhatian, buat permulaan, klinik kesihatan itu dikendalikan seorang pegawai perubatan, dua penolong pegawai perubatan, seorang jururawat terlatih, pembantu laut dan pembantu rendah am.

Menurut beliau, cadangan pembinaan projek itu diluluskan oleh Kementerian Kesihatan pada 2014 dengan kos keseluruhan bernilai lebih RM10 juta.

"Klinik yang di bawah pentadbiran Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Nerus ini bukan sahaja membantu penduduk setempat malah pelancong juga boleh mendapatkan rawatan kesihatan di situ.

"Sebanyak 390 pelancong mendapat rawatan di Klinik Desa Pulau Redang tahun lalu dan kita jangka jumlah itu akan meningkat seiring dengan penempatan pegawai perubatan dan anggota sokongan yang lain," katanya.

Isnin, 7 November 2016

4. Hampir 150 doktor pakar letak jawatan setiap tahun - Hilmi Yahya

KUALA LUMPUR 7 Nov. - Hampir 150 doktor pakar yang bekerja dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meletakkan jawatan setiap tahun sejak enam tahun lepas, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, daripada Januari hingga September tahun ini, 128 doktor pakar telah meletakkan jawatan, manakala 124 orang mengambil langkah yang sama tahun lepas.

"Unjuran sejak enam tahun lepas masalah doktor pakar yang meletakkan jawatan adalah hampir 150 orang setahun, kita terus kehilangan mereka menyebabkan antara faktor kurangnya doktor pakar," katanya menjawab soalan Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz (BN-Tanah Merah) pada sesi soal jawab lisan pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Ikmal Hisham ingin tahu keseriusan masalah kekurangan doktor pakar di negara ini dan sama ada Malaysia mampu mencapai sasaran nisbah satu doktor kepada 400 pesakit menjelang 2020.

Hilmi berkata, antara penyebab doktor pakar meletakkan jawatan ialah mereka menunggu terlalu lama untuk dinaikkan pangkat.

Katanya, doktor pakar gred U53 dan U54 didapati paling ramai meletakkan jawatan apabila terpaksa menunggu sehingga 10 tahun untuk dinaikkan pangkat.

"Sehubungan itu kita sedang melakukan pelbagai langkah untuk memastikan mereka kekal dengan memperkenalkan satu lapis gred iaitu Gred 56 yang masih lagi dalam perincian Jabatan Perkhidmatan Awam," katanya.

Selain itu katanya, faktor pendapatan pakar di hospital kerajaan yang lebih rendah berbanding hospital swasta juga antara perkara yang diberi perhatian oleh kerajaan iaitu dengan memperluaskan polisi 'Pesakit Bayar Penuh' di hospital KKM untuk membantu pakar menambah pendapatan mereka.

Beliau turut memaklumkan, sehingga September tahun ini terdapat lebih 4,000 doktor pakar berkhidmat dengan KKM dalam pelbagai bidang kepakaran.

"Walaupun terdapat peningkatan bilangan doktor pakar saban tahun, namun kita kekurangan doktor pakar selaras peningkatan penduduk, beban penyakit dan sebagainya," katanya. - BERNAMA

Rabu, 9 November 2016

5. Hospital Kerajaan Kekurangan doktor pakar

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Hospital-hospital kerajaan di negara ini masih berhadapan dengan masalah kekurangan doktor pakar dalam bidang-bidang tertentu termasuk neurologi, kardiotorasik, kardiologi, onkologi, paliatif, geriatrik dan neurosurgeri.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, bilangan doktor pakar dalam bidang tersebut perlu dipertingkatkan untuk menampung keperluan perkhidmatan kesihatan negara pada masa hadapan.

"Sehingga 30 September lalu, sebanyak 4,474 pegawai perubatan pakar berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan, iaitu 91.9 peratus daripada 4,870 keseluruhan perjawatan tersebut.

"Bagaimanapun, atas faktor mengambil kira bilangan penduduk, beban dan kompleksiti penyakit, selain peningkatan fasiliti kesihatan serta perkhidmatan kesihatan, khususnya yang memerlukan tahap kepakaran yang tinggi, jumlah doktor pakar dalam bidang-bidang tertentu perlu ditambah," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, kira-kira 150 doktor pakar di hospital-hospital kerajaan meletak jawatan setiap tahun sejak enam tahun lalu.

Katanya, situasi itu berlaku kerana masalah perjawatan terutama tiada kenaikan pangkat walaupun berkhidmat lebih 10 tahun.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, kerajaan amat prihatin dan sentiasa berusaha untuk mengekalkan doktor pakar untuk bertugas di hospital kerajaan.

Menurut beliau, kerajaan melalui pengumuman Bajet 2017 telah bersetuju untuk mewujudkan lapisan gred baharu iaitu Gred UD56 bagi pegawai perubatan pakar.

Katanya, kementerian telah banyak memberi pelbagai insentif kepada pegawai perubatan pakar serta membenarkan golongan tersebut membuat lokum di hospital swasta dengan syarat-syarat tertentu.

"Di samping itu, pakar yang melakukan kes-kes pembedahan pada hari cuti umum untuk mengurangkan masa menunggu kes pembedahan elektif akan diberi elaun seperti pembayaran elaun bekerja secara 'sessional' iaitu RM200 sejam," ujarnya.

Tambah beliau, inisiatif itu termasuk peluang latihan di luar negara bagi kursus jangka pendek, selain kenaikan pangkat pakar lebih cepat mengikut tempoh pakar tersebut berkhidmat di Kementerian Kesihatan.

Rabu, 9 November 2016

6. Kos beli LMS RM1 bilion

Langkah memperkasakan industry pertahanan negara

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Pembelian empat buah Kapal Littoral Mission (LMS) dari China disifatkan sebagai kos efektif dalam usaha untuk memperkasakan industri pertahanan negara.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, walaupun negara menghadapi situasi kelembapan ekonomi, namun perancangan kementerian dan pasukan pertahanan negara itu tidak boleh terjejas dan dilaksanakan melalui inisiatif kreatif dan inklusif serta sebahagian cara penjimatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

"Pengambilan aset baharu ini dibuat secara terbuka dan telus supaya kos efektif dan memenuhi tujuannya untuk memberikan pemerkasaan kepada TLDM demi menentukan masa depan armada negara walaupun menghadapi tekanan kewangan dan cara TLDM ini perlu dicontohi pihak lain.

"Desas-desus kononnya harga melambung seperti diviralkan adalah tidak benar kerana apa yang dilakukan merupakan kemampuan TLDM dan duit yang digunakan adalah penjimatan TLDM. Setiap sen mesti mendapat manfaat untuk membeli kapal yang betul-betul diperlukan bagi memberi semangat kepada anggota TLDM dan kementerian untuk berada dalam hala tuju yang betul," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Raime Unggi (BN-Tenom)** berhubung kepentingan pembelian kapal LMS dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pada itu, Hishammuddin dalam sidang akhbar di lobi Parlimen memberitahu, pembelian empat buah kapal itu melibatkan kos sebanyak RM1 bilion dengan anggaran kos bagi sebuah LMS itu tidak melebihi RM250 juta.

Tegas beliau, pendedahan jumlah itu diharap dapat menghentikan spekulasi yang mendakwa kos pembelian LMS bernilai RM3 bilion.

Beliau berkata, penggunaan kapal LMS amat penting bagi membolehkan TLDM menyediakan aset yang berkemampuan melaksanakan tugas operasi secara berterusan serta direka khas untuk menjalankan misi-misi mencabar dan memenuhi standard piawaian antarabangsa.

Beliau menjelaskan, armada pasukan pertahanan negara itu kini majoritinya berusia lebih 30 tahun dan tidak lagi kos efektif untuk menampung tugas, menangani ancaman semasa termasuk ancaman rompakan di laut, pelanunan, aktiviti jenayah rentas sempadan serta militan Daesh.

"Kos operasi armada TLDM terus meningkat setiap tahun akibat daripada kos selenggaraan yang semakin tinggi. Kapal lama yang tidak lagi kos efektif untuk dioperasikan akan dilucutkan tauliah, seterusnya dilupuskan secara berperingkat berdasarkan polisi kerajaan.

"Kerajaan mempunyai beberapa pilihan sama ada kapal yang dilupuskan dijual melalui tender terbuka pada pihak atau negara yang dibenarkan atau diserahkan sebagai sumbangan, dijual sebagai 'scrap' atau dijadikan sasaran penembakan di laut. Keputusan pilihan akan dibuat setelah kajian dijalankan bagi mendapatkan pulangan serta nilai terbaik kepada kerajaan," katanya.



Khamis, 10 November 2016

7. 24 syarikat keselamatan ditamatkan kontrak

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Kementerian Pendidikan menamatkan kontrak 24 syarikat keselamatan yang bertanggungjawab menjaga keselamatan di sekolah bagi tahun 2015 dan 2016 dengan 30 peratus daripadanya berpuncu daripada prestasi yang tidak memuaskan.

Timbalan Menterinya, **Datuk P. Kamalanathan** berkata, kerajaan memandangkan serius soal keselamatan di sekolah dan mahu pihak sekolah mengemukakan laporan sekiranya syarikat keselamatan yang dilantik tidak mematuhi syarat kontrak.

"Kementerian akan ambil apa juga langkah untuk pastikan pihak keselamatan dan prestasi syarikat yang tawar perkhidmatan laksanakan tugas ini dengan cara terbaik," katanya ketika menjawab soalan **Datuk Kamarul Baharin Abbas** (PKR-Telok Kemang) pada sesi pertanyaan lisan dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pada itu, Kamalanathan menegaskan bahawa pihak kementerian tidak sama sekali mengambil pekerja asing untuk menjadi pengawal keselamatan di sekolah.

Beliau meminta supaya laporan dibuat kepada Kementerian Pendidikan sekiranya terdapat pengawal keselamatan warga asing di sekolah.

"Memang tidak sama sekali guna pekerja asing jadi pengawal keselamatan, kalau ada, harap ada laporan dibuat supaya kami boleh ambil tindakan selanjutnya," jelas beliau.

Khamis, 10 November 2016

8. 31,230 penjawat awam dikenakan tindakan tatatertib

KUALA LUMPUR 10 Nov. - Sebanyak 31,230 penjawat awam telah dikenakan tindakan tatatertib sejak Januari 2010 hingga Julai tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 5,778 telah dikenakan tindakan buang kerja.

"Sebanyak 152 telah diturunkan pangkat dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 48 bulan, sebanyak 1,168 diturunkan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 36 bulan," katanya menjawab soalan Er Teck Hwa (DAP-Bakri) pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Teck Hwa bertanya mengenai bilangan kakitangan awam yang melanggar tatatertib yang telah diberikan amaran, digantung gaji dan pangkat, dilucutkan jawatan dan penced atau ganjaran dari tahun 2010 hingga tahun ini.

Azalina berkata, daripada jumlah yang dinyatakan itu sebanyak 2,369 penjawat awam ditangguhkan pergerakan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan.

"Sebanyak 4,370 penjawat awam dilucutkan hak emolumen dan tidak akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat bagi tempoh 24 bulan dan 4,295 lagi dikenakan denda maksimum tujuh hari emolumen dan tidak akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan," katanya.

Teks jawapan Azalina dibacakan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan. - BERNAMA

Isnin, 14 November 2016

9. Kenaikan caj perkhidmatan wad kelas satu, dua Januari depan

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Kementerian Kesihatan mengesahkan akan berlaku peningkatan caj perkhidmatan wad bagi kelas satu dan dua berkuat kuasa 1 Januari depan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, ketetapan itu dibuat berikutan tiada kenaikan caj dilakukan sejak 34 tahun lalu, selain kerajaan mahu mengurangkan pembiayaan subsidi kepada pesakit berkemampuan.

Katanya, kenaikan hanya memberi kesan kepada 1.5 peratus daripada dua juta pesakit yang mendapatkan perkhidmatan di hospital awam.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan berapa peratus kenaikan caj perkhidmatan wad akan dikenakan.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar khas di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE



Selasa, 15 November 2016

10. 374 jawatan pakar perubatan masih kosong - Hilmi

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Sebanyak 374 jawatan pegawai perubatan pakar masih kosong berbanding 4,868 jumlah jawatan itu yang telah diwujudkan ketika ini, persidangan Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, pada masa ini, pengisian jawatan itu telah dipenuhi seramai 4,494 orang atau 92.3 peratus sehingga 31 Oktober lalu.

Beliau berkata, kementeriannya berusaha untuk meningkatkan bilangan pegawai perubatan pakar dengan meneruskan program penawaran tajaan biasiswa atau Hadiah Latihan Persekutuan untuk program sarjana kepakaran dengan menambah penawaran tajaan daripada 800 kepada 1,000 pegawai setahun mulai tahun lalu.

Katanya, kementerian itu turut melantik semula pegawai perubatan pakar yang tamat kontrak atau mereka yang telah bersara wajib mengikut keperluan.

"Bagi meningkatkan perkhidmatan doktor pakar di Sabah dan Sarawak pula, pihak kementerian telah manjangan tempoh penempatan pegawai perubatan pakar daripada minimum enam bulan kepada satu tahun," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr. Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong) berhubung statistik graduan perubatan dari tahun 2010 hingga tahun ini serta tindakan Kementerian Kesihatan menangani masalah kekurangan doktor pakar.

Hilmi berkata, seramai 26,300 pelajar perubatan yang menjalani latihan siswazah telah ditawarkan perkhidmatan dengan kerajaan sejak 2010 sehingga September 2016. - BERNAMA

Selasa, 15 November 2016

11. Caj wad: 1.97j pesakit tak terjejas

KUALA LUMPUR 14 Nov. – Kenaikan caj perkhidmatan wad dan rawatan bagi kelas pertama dan dua pada 1 Januari 2017 tidak akan memberi kesan kepada pesakit kelas tiga yang mewakili 1.97 juta daripada dua juta jumlah keseluruhan pesakit di hospital kerajaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, kenaikan hanya memberi kesan kepada 1.5 peratus atau 32,000 pesakit yang kebanyakannya merupakan golongan berkemampuan.

Katanya, ketetapan itu dibuat berikutan tiada kenaikan caj dilakukan sejak 34 tahun lalu, selain kerajaan mahu mengurangkan pembiayaan subsidi kepada pesakit berkemampuan.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan berapa peratus kenaikan caj perkhidmatan wad akan dikenakan.

"Kenaikan caj seperti yang dilaporkan di surat khabar kebanyakannya cuma berlaku pada kelas pertama dan separuh daripada rawatan yang diberikan di kelas dua. Dari dahulu lagi perkhidmatan di kelas satu dan dua perlu dibayar, kita tidak menaikkan kadar bayaran untuk jangka masa panjang lebih kurang 30 tahun.

"Walaupun tiada kenaikan caj, kerajaan masih menyediakan subsidi yang tinggi untuk perkhidmatan kelas satu dan dua, oleh itu, kami perlu pastikan kumpulan miskin serta berpendapatan rendah diberikan keutamaan. Prinsip menjaga kebijakan rakyat tetap terpelihara walaupun berlaku kenaikan caj," katanya dalam sidang akhbar khas di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahya dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah.

Akhbar hari ini melaporkan Kementerian Kesihatan dijangka menaikkan caj wad dan rawatan kelas satu dan dua di seluruh hospital kerajaan di negara ini sehingga 50 peratus mulai Disember ini.

Kenaikan tersebut didakwa turut melibatkan semua jenis rawatan untuk warganegara seperti bayaran wad am dan wad bersalin, rawatan pesakit ditahan dalam wad, fisioterapi, radioterapi dan nuklear, nefrologi serta psikiatri, namun begitu bagi pesakit warganegara yang memilih untuk dirawat di kelas tiga, caj wad dan rawatan kekal dengan kadar lama.

Subramaniam menjelaskan, kebanyakan pesakit yang mendapatkan rawatan kelas satu dan dua adalah individu berkemampuan dan mereka berminat mendapatkan perkhidmatan di hospital kerajaan mungkin kerana faktor doktor yang merawat mempunyai kredibiliti tinggi.

"Mungkin caj yang dikenakan kepada pesakit terbabit boleh membantu hospital untuk mendapatkan ubat tambahan bagi pesakit kelas tiga," katanya.



Isnin, 21 November 2016

12. 247 syor dikemuka dalam Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2

KUALA LUMPUR 21 Nov. - Sebanyak 247 syor dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 bagi membantu Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan kerajaan negeri membuat pembetulan dan penambahbaikan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, daripada jumlah itu, Jabatan Audit Negara mengemukakan 68 syor kepada Kerajaan Persekutuan, 30 syor kepada Badan Berkanun Persekutuan dan 149 syor kepada kerajaan negeri.

"Seperti mana yang terdahulu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan," katanya dalam kenyataan yang diedarkan kepada Bernama, semalam.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2, mengenai aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri serta Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan kerajaan negeri tahun 2015 dibentangkan di Parlimen hari ini selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Ambrin berkata, berdasarkan pengauditan terhadap 461 penyata kewangan kerajaan dan agensi kerajaan pada tahun lepas, sebanyak 421 penyata kewangan telah diberikan Sijil Audit Tanpa Teguran.

Katanya, sebanyak 11 penyata kewangan pula diberikan Sijil Audit Berdasarkan 'Emphasis of Matter' dan 16 penyata kewangan pula diberikan Sijil Audit Berteguran.

"Baki enam penyata kewangan masih dalam proses pengauditan, tiga penyata kewangan belum disahkan kerana lewat mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan tidak lengkap serta empat penyata kewangan belum dikemukakan untuk pengauditan," katanya.

Beliau berkata, dalam Laporan Siri 2 itu juga, sebanyak 77 pengauditan prestasi dan 19 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan dilaksanakan di peringkat persekutuan, negeri dan Badan Berkanun Persekutuan.

Katanya, pengauditan itu merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan hasil, alam sekitar dan pengurusan syarikat.

Menurutnya, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Laporan Maklum Balas ke atas Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 yang memberikan ulasan serta tindakan terkini daripada Ketua Jabatan terhadap isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam laporan berkenaan.

Katanya, kandungan dan sinopsis Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2 itu boleh dilayari dalam laman sesawang Jabatan Audit Negara di <http://www/audit.gov.my> mulai hari ini.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 18 Mei lepas.-
BERNAMA



Isnin, 21 November 2016

13. RM732 juta tuntutan balik GST telah dibayar

KUALA LUMPUR 21 Nov. - Sebanyak RM732 juta tuntutan balik cukai barang dan perkhidmatan (GST) telah dikembalikan semula kepada peniaga bagi tarikh permohonan bermula 1 April hingga 30 September 2015.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, sepanjang tempoh tersebut, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menerima 2,540 permohonan melibatkan nilai barang dalam pegangan berjumlah RM13.255 bilion.

"Secara keseluruhannya, pengauditan mendapati pembayaran balik dibuat dengan cara teratur dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah sub-seksyen 190(1), Akta GST," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara (Siri Dua) yang dikeluarkan hari ini.

Bagaimanapun, jelas Ambrin, terdapat beberapa aspek dalam proses pembayaran balik tuntutan GST itu dilihat sebagai tidak cekap khususnya dalam aspek kelewatan dan kesilapan dalam membuat pengiraan amanah.

Jelasnya, sehingga 31 Mei 2016 misalnya, hanya sebanyak 1,863 (73.3 peratus) sahaja yang siap diproses, manakala sebanyak 677 (26.7 peratus) lagi permohonan dengan tuntutan berjumlah RM555.86 juta masih belum siap diproses.

Menurutnya, daripada jumlah permohonan yang siap diproses, sebanyak 1,217 (65.3 peratus) telah diluluskan berjumlah RM102.71 juta dan sebanyak 646 (34.7 peratus) lagi ditolak dengan melibatkan nilai tuntutan berjumlah RM73.43 juta.

"Sebanyak 95 (27.5 peratus) permohonan daripada 346 sampel yang diaudit selesai diproses dalam tempoh melebihi 14 hari bekerja, iaitu lewat antara satu hingga 72 hari.

"Proses menyemak dan meluluskan jumlah yang dituntut adalah kurang teliti yang mana berlaku kesilapan pengiraan amaun yang diluluskan melibatkan sejumlah RM0.59 juta untuk 13 kes daripada 346 sampel yang diaudit," katanya. - UTUSAN ONLINE



Selasa, 22 November 2016

14. Tambahan subsidi akibat kelemahan urus minyak masak



KUALA LUMPUR 21 Nov. - Kerajaan terpaksa membayar tambahan RM2.92 juta dalam bentuk subsidi berikutan kelemahan dalam pengurusan Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS), menurut Laporan Ketua Audit Negara.

Laporan tahun 2015 Siri 2 yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat menyebut, subsidi yang dibayar mulai 2013 hingga April 2016 adalah RM2.388 bilion.

Untuk mengelak penyalahgunaan atau ketirisan dalam pengagihan, ia mencadangkan supaya Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sentiasa memantau minyak masak.

Usaha ini bagi memastikan minyak masak bersubsidi boleh didapati di pasaran, kata laporan itu.

Tambahan pula, menurut laporan itu, Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) perlu diwujudkan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk membantu pemantauan di peringkat peruncitan.

Laporan itu turut mencadangkan semakan pengiraan digunakan untuk kuota COSS, dan menghentikan segera kegiatan pembungkusan minyak masak.

"Pek kuota sementara perlu disokong dengan justifikasi yang digariskan dalam Prosedur Operasi Standard dan pengagihan tidak boleh melebihi enam bulan dan kuota yang diluluskan COSS," menurut laporan itu.

Prosedur tuntutan COSS yang semata-mata berdasarkan proses dokumentasi perlu diperbaiki.

Kuota pembungkusan sementara diberikan kepada 10 kilang penapisan dan lapan syarikat pembungkusan tanpa mematuhi SOP dan ia berlarutan daripada sembilan hingga 12 bulan.

"Setakat April 2016, kelulusan kuota pembungkusan sementara menyebabkan lebihan had kuota maksimum di antara 64 hingga 464 tan sebulan. Oleh itu terdapat peningkatan perbelanjaan subsidi oleh kerajaan yang dianggarkan RM2.92 juta."

COSS dilaksanakan berikutan harga minyak sawit mentah yang tinggi dalam suku kedua 2006 dan awal 2007. Ia satu skim pembiayaan memberi subsidi kepada kilang penapisan bagi mengekalkan harga yang rendah kepada para pengguna. - BERNAMA



Rabu, 23 November 2016

15. Audit: Felda telah ambil tindakan

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Perkara yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2 berada dalam pengetahuan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan tindakan telah pun diambil sebelum laporan itu diterbitkan kepada awam.

Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, malah ada antara isu yang dibangkitkan telah pun diambil tindakan, dihentikan operasinya dan tindakan tatatertib dikenakan terhadap individu terlibat.

Bagaimanapun, katanya, Felda mengambil maklum mengenai kelemahan-kelemahan yang dinyatakan menerusi laporan berkenaan dan langkah-langkah bagi membetulkan keadaan telah diambil.

"Saya ingin jelaskan bahawa Felda telah meluluskan pelantikan firma guaman bagi mengenal pasti sekiranya terdapat salah laku oleh pihak-pihak terlibat semasa pelaksanaan projek, bagi menzahirkan komitmen berterusan Felda.

"Felda juga komited untuk mematuhi tatacara perolehan dan prosedur pembayaran bagi memastikan keberkesanan kawalan dalaman dan tadbir urus yang baik.

"Saya ingin menegaskan bahawa mana-mana individu yang terlibat dalam salah laku sekiranya ada, akan dikenakan tindakan sewajarnya. Komitmen Felda terhadap para peneroka tidak akan luntur dan mereka tidak akan diabaikan sama sekali," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2 melaporkan bahawa Felda mengalami kerugian jutaan ringgit disebabkan kelemahan perancangan dan pelaksanaan projek pemerolehan perkhidmatan

pengumpulan data Light Detection and Ranging (Lidar), projek jalur lebar serta projek syarikat subsidiari Felda.

Mengulas lanjut, Mohd. Isa menjelaskan, Lembaga Felda dan lembaga pengarah syarikat subsidiari merupakan dua entiti berbeza.

Katanya, Lembaga Felda merupakan pihak yang mengawal seluruh organisasi itu dan dipengerusikan beliau sendiri manakala syarikat subsidiari menjalankan perniagaan serta dianggotai dan dipengerusikan oleh individu berbeza.

"Perkara ini telah diambil maklum oleh Lembaga Felda dan langkah-langkah pembetulan telah dan sedang dilaksanakan.

"Terdapat pelaksanaan dan perjalanan operasi syarikat subsidiari tidak dilaporkan serta tidak mendapat kelulusan lembaga pengarah syarikat subsidiari serta Lembaga Felda. Ini menyebabkan berlakunya ketidakpatuhan dan pelanggaran tataurus syarikat serta peraturan Felda," jelasnya.



Rabu, 23 November 2016

16. Kerajaan tubuh enam jawatankuasa siasat teguran Laporan Audit

PUTRAJAYA 23 Nov. - Kerajaan telah menubuhkan enam jawatankuasa khas untuk menyiasat 10 teguran punitif atau salah laku dan kecuaian melibatkan enam kementerian susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, siasatan itu bertujuan untuk memperoleh keterangan relevan daripada aspek kesaksian dan keterlibatkan pegawai dalam kes yang dilaporkan.

"Sehubungan itu, tindakan tatatertib atau pertuduhan jenayah di mahkamah akan dikenakan sekiranya wujud asas kukuh bahawa pegawai berkenaan telah melakukan salah laku atau kecuanian.

"Namun berdasarkan siasatan tersebut sehingga semalam, sebanyak tiga dari 10 teguran mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib yang melibatkan lima pegawai," katanya dalam sesi bersama media berhubung Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Isnin, 28 November 2016

17. SPRM tahan penjawat awam di Melaka, Johor Jutaan ringgit dikesan dalam bank

KUALA LUMPUR 28 Nov. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang penjawat awam kerana disyaki terlibat dengan rasuah melibatkan projek-projek Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Melaka, hari ini.

Menurut sumber, pegawai lelaki berusia 55 tahun itu ditahan SPRM kira-kira pukul 2 petang tadi.

Sumber itu turut berkata, suspek disyaki telah meminta wang suapan bagi projek berkaitan PBT berkenaan.

"Selain itu, SPRM turut membekukan akaun bank milik suspek yang mengandungi wang jutaan ringgit," katanya.

Berikut itu, SPRM dijangka menahan beberapa lagi individu berkaitan kes itu, katanya.

Sementara itu, SPRM menahan seorang penolong pegawai di pejabat tanah daerah di Johor kerana disyaki menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan tanah di pejabat-pejabat tanah daerah lain, selain menggunakan kedudukannya untuk memperoleh tanah secara pindah milik.

Sumber itu berkata, suspek berusia 50-an itu ditahan kira-kira 2 petang tadi di pejabat SPRM Johor.

Hasil siasatan mendapati suspek memiliki beberapa lot tanah pertanian seluas 16.75 ekar, tanah usahasama 68 ekar, tanah rumah kediaman dan kediaman mewah di beberapa daerah di negeri itu, katanya.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009," kata sumber itu.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Simi Abdul Ghani mengesahkan tangkapan itu dan suspek dijangka direman esok. - BERNAMA

Selasa, 29 November 2016

18. Kelantan terima 17 ambulan bernilai RM8.5 juta

KOTA BHARU 29 Nov. - Kementerian Kesihatan menyerahkan 17 buah ambulan bernilai RM 8.5 juta kepada Jabatan Kesihatan negeri Kelantan untuk diagih kepada klinik-klinik kesihatan di sembilan daerah di negeri ini.

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Kelantan, Dr. Izamin Idris berkata, ambulan baharu yang dilengkapi kelengkapan terkini itu bagi menggantikan ambulan lama yang telah dilupuskan akibat kerosakan dan faktor usia.

Beliau berkata, sebelum ini Jabatan Kesihatan negeri sudah mempunyai 83 ambulan di hospital dan 60 ambulan di klinik-klinik kesihatan negeri.

"Bilangan pesakit yang memerlukan perkhidmatan ambulan bertambah setiap hari, sepanjang tempoh Januari hingga Ogos tahun ini sebanyak 42,667 perkhidmatan diberi pada waktu pejabat dan 50,080 di luar waktu pejabat.

"Kita berharap pertambahan ambulan baru ini akan meningkatkan mutu perkhidmatan lebih-lebih lagi di musim banjir," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan di Perdana Resort di sini hari ini.

Pada majlis itu, Timbalan Pengarah Kesihatan negeri (Pengurusan), Ghazali Hizam telah menerima replika kunci ambulan daripada Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Tan Jye Theng.- UTUSAN ONLINE